

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU VETERINAR/PENOLONG PEGAWAI VETERINAR**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PERTANIAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN/GAJI : **G19, G22, G26,
G29/30, G32, G36, G40**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU VETERINAR GRED G19

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,357.00).
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,357.00).
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40).
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,469.80).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29

- (d) (i) Sijil Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,923.06).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED G22	10. Pembantu Veterinar Gred G19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G22 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED G26	11. Pembantu Veterinar Gred G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G26 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED G30	12. (a) Pembantu Veterinar Gred G19 atau G22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G30 yang kosong apabila: <ul style="list-style-type: none"> (i) disahkan dalam perkhidmatan; (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (v) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- (b) Pembantu Veterinar Gred G26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G30 yang kosong apabila telah:
 - (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G32**

- 13. Penolong Pegawai Veterinar Gred G29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G32 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G36**

- 14. Penolong Pegawai Veterinar Gred G32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G36 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G40**

- 15. Penolong Pegawai Veterinar Gred G36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G40 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI VETERINAR
GRED GV41**

- 16. Penolong Pegawai Veterinar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Veterinar Gred GV41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar yang berkuat kuasa pada 1.7.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2013).